

EKSPLORASI HUBUNGAN ANTARA TABIAT, MOTIVASI HEDONIS, DAN PENGARUH SOSIAL DENGAN PENERIMAAN MEDIA SOSIAL OLEH GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

*Exploring the Relationship Between Habits, Hedonic Motivation, and Social Influence
Towards Social Media Acceptance by Secondary School Science Teachers*

Fadillah Setapa

Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kosas, 68000, Ampang, Selangor, Malaysia

Emel: fadillahsetapa@gmail.com

Received: 21 June 2025; *Accepted:* 25 November 2024; *Published:* 31 December 2024


ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial dengan tingkah laku guru sains sekolah menengah terhadap penerimaan media sosial. Kajian ini melibatkan 175 guru sains dari pelbagai sekolah menengah di daerah Bangsar Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data dikumpul menggunakan instrumen soal selidik berpandukan skala Likert lima mata. Seramai 30 guru sains terpilih dalam kajian rintis untuk menilai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Hasil ujian kajian rintis menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan boleh dipercayai dan boleh digunakan untuk kajian sebenar. Program Statistical Package for the Social Science (SPSS) 26.0 digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Skor min dan sisihan piawai dinilai melalui analisis statistik deskriptif, manakala hipotesis kajian diuji melalui analisis statistik inferensi korelasi Pearson. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati faktor tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial berada pada tahap tinggi. Analisis inferensi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara faktor tabiat ($r = 0.614$, $p < 0.05$), motivasi hedonis ($r = 0.320$, $p < 0.05$) dan pengaruh sosial (0.380 , $p < 0.05$) dengan niat tingkah laku guru sains sekolah menengah terhadap penerimaan media sosial dalam PdP mereka. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada guru untuk mencipta pelbagai strategi pengajaran yang berkesan yang melibatkan penggunaan media sosial dalam kelas. Pengaplikasian media sosial boleh meningkatkan motivasi dan pemahaman murid kerana ia membolehkan interaksi yang lebih aktif dan menyampaikan pelajaran dengan cara yang menarik, relevan dan pelbagai.

Kata kunci: Sosial Media, Tabiat, Motivasi Hedonis, Pengaruh Sosial, Niat Tingkah Laku

ABSTRACT

This study aims to determine the relationship between habits, hedonic motivation, and social influence with the behavior of high school science teachers towards social media acceptance. This study involved 175 science teachers from various secondary schools in the Bangsar Pudu district, Kuala Lumpur Federal Territory. Data was collected using a questionnaire based on a five-point Likert scale. A total of 30 science teachers were selected in a pilot study to assess the reliability and validity of the instrument. The test results of the pilot study show that the instruments used are reliable and can be used for real studies. The study aimed to investigate how habits, hedonic motivation, and social influence relate to the acceptance of social media among high school science teachers. Conducted in the Bangsar Pudu district, Kuala Lumpur Federal Territory, it involved 175 science



teachers from different secondary schools. Data collection utilized a questionnaire employing a five-point Likert scale. The initial assessment involved 30 teachers in a pilot study to ensure the reliability and validity of the instrument, which yielded positive results. Statistical analysis using SPSS 26.0 included descriptive analysis for mean scores and standard deviation, alongside inferential analysis employing Pearson's correlation to test research hypotheses. Findings indicated a high level of influence from habits, hedonic motivation, and social factors. Furthermore, significant and positive correlations were observed between habit ($r = 0.614$, $p < 0.05$), hedonic motivation ($r = 0.320$, $p < 0.05$), and social influence ($r = 0.380$, $p < 0.05$) with high school science teachers' behavioral intention to accept social media in their teaching practices. The study's implications suggest encouraging teachers to adopt innovative teaching strategies incorporating social media, potentially enhancing student engagement, motivation, and comprehension through dynamic and interactive lessons.

Keywords: Social Media, Habit, Hedonic Motivation, Social Influence, Behavioral Intentions

PENGENALAN


Latar Belakang Kajian

Pada alaf ini, kerja menjadi lebih mudah melalui penggunaan Internet yang memberi peluang yang luas kepada pengguna dalam pelbagai bidang seperti dalam bidang perniagaan, kerjaya, kerja dan lain-lain. Internet boleh digunakan untuk penyimpanan maklumat, pendidikan global, interaksi dalam talian dan pembelajaran kolaboratif, peningkatan minat belajar, komunikasi tanpa sempadan, pendidikan global, penyelidikan, katalog maklumat dan inovasi dalam dunia baharu. Istilah media sosial pertama kali digunakan pada tahun 1994, iaitu media dalam talian Tokyo yang dipanggil Matisse (Aichner et al., 2021). Media sosial boleh didefinisikan sebagai suatu 'platform interaktif' yang terdiri daripada sekumpulan aplikasi berasaskan Internet dan dibina berasaskan ideologi dan teknologi Web 2.0 yang mana membenarkan penciptaan dan pertukaran hasil daripada penajaan kandungan oleh pengguna (Kaplan & Haenlein, 2010).

Media sosial telah membawa perubahan besar dalam sektor pendidikan dengan memberikan banyak faedah dan peluang. Dalam konteks pendidikan, media sosial memudahkan interaksi dan kolaborasi pembelajaran antara murid dan guru (Tarhini et al., 2021; Latif et al., 2019), membuka akses yang lebih luas kepada sumber pembelajaran global (Malik et al., 2019; Mohan et al., 2020), dan meningkatkan minat belajar melalui bahan pembelajaran yang interaktif dan menarik (Yeo, 2021; Imran et al., 2017). Selain itu, platform ini juga merupakan ruang untuk bertukar-tukar idea dan pengetahuan, memperkayakan pengalaman pembelajaran, dan membolehkan penyertaan dalam perbualan dan perbincangan yang membina (Wu et al., 2021; Casama Orlanda-Ventayen & Ventayen, 2017). Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa penggunaan media sosial dalam pendidikan juga perlu mempertimbangkan cabaran seperti kebimbangan privasi, penyebaran maklumat yang salah (disinformation), dan keperluan untuk berinteraksi secara beretika dalam persekitaran dalam talian.

Permasalahan Kajian


Media sosial kini dilihat sebagai komponen penting dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Oleh itu, ia memberikan guru peluang untuk meningkatkan



keberkesanan kaedah PdP (Aguilar et al., 2021; Shah Rafi Ihsham Shah & Zuraidah Abdullah, 2020). Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa guru boleh mengalami masalah seperti ketagihan akibat penggunaan media sosial yang berlebihan (Suryani et al., 2021; Luh et al., 2020; Mohd Norakmar Omar et al., 2019). Beberapa kajian menunjukkan bahawa penggunaan media sosial oleh guru tidak dianggap sebagai masalah ketagihan selagi penggunaannya terkawal, walaupun terdapat kajian yang tidak bersetuju dengan penemuan ini (Mylonopoulos et al., 2021). Guru biasanya menggunakan media sosial untuk berkongsi dan mengubah suai konten serta untuk mendapatkan maklum balas segera (Tarhini et al., 2021; Jankauskaitė, 2019) serta sebagai alat untuk berkongsi dan mengemaskini bahan PdP (Otchie & Pedaste, 2020; Ansari & Khan, 2020). Oleh itu, wajar dijalankan sama ada faktor tabiat memainkan peranan dalam penerimaan media sosial dalam PdP guru terutamanya bagi guru sains di sekolah menengah.

Media sosial telah membawa banyak faedah dalam pelbagai bidang termasuk dalam pendidikan. Sebagai contoh, media sosial dapat meningkatkan motivasi dan memberikan keseronokan dan keterujaan dalam proses pengajaran (Jnr Gyane, 2021; Jesuselvi Manickam et al., 2020). Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa media sosial boleh menyokong proses pengajaran yang bermakna dan berkesan (Goodyear & Armor, 2021; Vandeyar, 2020). Selain itu, ramai guru mendapat inspirasi untuk melaksanakan pengajaran kreatif dan interaktif melalui media sosial (Patten et al., 2021; Lampropoulos et al., 2021; Ansari & Khan, 2020). Oleh itu, tidak hairanlah ciri-ciri media sosial yang menyeronokkan ini telah mendorong ramai guru menggunakannya sebagai alat pendidikan (Maslin Binti Masrom et al., 2021). Walau bagaimanapun, beberapa kajian (Cataldo et al., 2021; Balasundran et al., 2020) juga mendapati bahawa media sosial boleh menyebabkan masalah kesihatan yang membimbangkan, seperti kemurungan dalam kalangan guru sekolah. Akibatnya, proses PdP guru terjejas, lantas mewujudkan persekitaran yang tidak kondusif terutamanya kepada murid (Kasakliev, 2020). Oleh itu, perlu diteliti sama ada faktor motivasi hedonis ini menjadi antara punca yang mempengaruhi penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah.

Tidak dinafikan aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram telah mengubah landskap pendidikan. Interaksi dalam talian berasaskan kumpulan interaktif atau berpasangan dengan berkongsi pelbagai maklumat telah mewujudkan pengaruh sosial yang kuat dan dinamik, terutamanya kepada guru (Usman & Okafor, 2020). Walau bagaimanapun, kajian lepas (Cataldo et al., 2021) mendapati pengaruh sosial ini juga boleh menyebabkan masalah yang membimbangkan, seperti buli siber, kekeliruan identiti, dan perasaan rendah diri dalam kalangan guru. Oleh itu, perlu diteliti sama ada faktor pengaruh sosial ini turut mempengaruhi penerimaan media sosial dalam PdP untuk guru sains di sekolah menengah. Justeru itu, bagi menangani jurang dan isu dinyatakan, satu kajian perlu dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah. Oleh itu, kajian ini akan menyiasat tiga faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku penerimaan media sosial dalam PdP oleh guru sains sekolah menengah iaitu faktor tabiat, motivasi hedonis, dan pengaruh sosial.



Objektif Kajian

Objektif utama kajian adalah untuk mengukur hubungan faktor tabiat motivasi hedonis dan pengaruh sosial terhadap niat tingkah laku guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Objektif khusus kajian ini adalah

- i. Mengetahui tahap tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP.
- ii. Mengetahui hubungan antara tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP.

Persoalan Kajian

Untuk menjawab objektif kajian ini, persoalan kajian dibina seperti berikut

- i. Adakah tahap tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP?

Hipotesis Kajian

Tiga hipotesis null (H_0) telah dibina oleh pengkaji berdasarkan objektif dan persoalan kajian:

H_{01} : Tidak terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tabiat dengan niat tingkah laku guru sains sekolah menengah terhadap penerimaan media sosial dalam PdP


H_{02} : Tidak terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara motivasi hedonis dengan niat tingkah laku guru sains sekolah menengah terhadap penerimaan media sosial dalam PdP

H_{03} : Tidak terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pengaruh sosial dengan niat tingkah laku guru sains sekolah menengah terhadap penerimaan media sosial dalam PdP

Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian




MEDIA SOSIAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) SAINS

Pengajaran dan pembelajaran sains beralih daripada kuliah tradisional dan lebih kepada video, eksperimen dan penemuan. Salah satu sebab utama perubahan ini ialah pengenalan teknologi web 2.0, termasuk media sosial. Media sosial biasanya digunakan sebagai pelengkap kepada pembelajaran tradisional, tetapi ia bukanlah mod utama pengajaran dan pembelajaran sains itu sendiri. Jika digunakan dengan betul, media sosial boleh membantu memberikan penemuan saintifik yang objektif secara langsung kepada orang ramai. Ini adalah sesuatu yang telah diberi tumpuan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan platform media sosial seperti Twitter, Facebook, LinkedIn dan Instagram boleh digunakan untuk melaksanakan konsep sains dalam permainan, simulasi dan animasi (Habibi & Salim, 2021). Guru boleh menyiarkan arahan kepada murid mereka melalui media sosial, yang memudahkan interaksi murid-guru yang sempurna berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa (Ajayi & Ajayi, 2020). Walaupun kesan media sosial terhadap sains tidak jelas, ia dipercayai mampu menjadi alat yang berkesan untuk merapatkan jurang dalam pengajaran dan pembelajaran sains (Regenberg, 2019).

Niat Tingkah Laku

Fishbein dan Ajzen (1975, 1980) telah mendefinisikan niat tingkah laku sebagai kebarangkalian subjektif seseorang akan menunjukkan tingkah laku tersebut manakala




Warshaw dan Davis (1985) mencirikan definisi tersebut sebagai jangkaan tingkah laku. Sesungguhnya, konsep niat tingkah laku Warshaw dan Davis (1985) adalah lebih relevan dalam meramal tingkah laku. Konsep niat tingkah laku turut ditafsirkan sebagai penunjuk takat kesungguhan mencuba atau usaha yang akan dikerahkan (Ajzen, 1991; Ajzen, 1993). Dalam konteks penggunaan media sosial dalam PdP, niat tingkah laku dijangkakan akan mempengaruhi aspek penggunaan teknologi tersebut (Venkatesh et al., 2003). Konsep niat tingkah laku adalah penting bagi menentukan kecenderungan penggunaan teknologi secara berpanjangan (Mailizar & Rahmah Johar, 2021).

Tabiat

Lanjutan daripada model UTAUT, model UTAUT2 telah diperkenalkan dan konstruk tabiat merupakan antara tiga konstruk yang ditambahkan. Tabiat didefinisikan sebagai keadaan atau takat seseorang individu menunjukkan tingkah laku secara automatik atau tabiat sebagai hasil sikap tingkah laku atau pengalaman lampau (Venkatesh et al., 2012). Kekuatan dan penggiatan suatu tabiat juga dikatakan berbeza merentas faktor-faktor jantina, umur dan pengalaman. Hasil kajian bersetuju dengan model UTAUT2 bahawa tabiat berpengaruh tinggi dalam niat dan jangkaan tingkah laku (Hew et al., 2015; Baudier, 2020; Gansser & Reich, 2021). Kebergantungan kepada teknologi dalam kehidupan seharian (Hew et al., 2015) serta kepelbagaian suatu teknologi (Gansser & Reich, 2021; Baudier, 2020) juga didapati menyumbang kepada kesan tabiat.

Motivasi Hedonis

Konstruk motivasi hedonis yang disertakan dalam model UTAUT2 dalam kajian Venkatesh et al. (2012) dikategorikan sebagai motivasi intrinsik yang berkaitan dengan keseronokan yang diperoleh daripada penggunaan teknologi (Brown & Venkatesh, 2005). Elemen hedonis dalam teknologi yang berperanan pengalaman dikaitkan dengan ciri-ciri yang menyeronokkan, menarik dan interaktif (Gao, 2021; Sayed Abul Khair et al., 2022). Malah, inovasi dan kebaruan yang terdapat pada suatu teknologi menyumbang kepada motivasi hedonis untuk menggunakan teknologi tersebut. Walaubagaimanapun, adalah dilaporkan bahawa motivasi hedonis dikawal oleh umur, jantina dan pengalaman (Venkatesh et al., 2012). Kajian telah mendapati bahawa motivasi hedonis mempunyai pengaruh positif terhadap niat tingkah laku dan kebarangkalian pengguna untuk menggunakan teknologi mudah alih (Al-Azawei & Alowayr, 2020; Nikolopoulou et al., 2021). Pada masa yang sama, ciri-ciri hedonis yang terdapat pada suatu produk teknologi perlu diseimbangkan dengan aspek kemudahan bagi mendorong penggunaan suatu produk tersebut, iaitu penampilan visual suatu produk harus dilengkapi dengan ciri-ciri yang berguna dan praktikal (Prabhu, 2019; Rejman Petrović, 2022).



Pengaruh Sosial

Model UTAUT Venkatesh (2003) mendefinisikan pengaruh sosial sebagai sejauh mana seseorang individu itu dipengaruhi oleh pandangan orang lain yang dianggap penting dan percaya bahawa individu itu harus mengamalkan sistem baru. Dengan kata lain, tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh cara mereka menganggap pandangan orang lain apabila menggunakan teknologi. Penyelidikan oleh Liu et al., (2022) dan Ye et al., (2020) mencadangkan bahawa kesan pengaruh sosial juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti jantina, umur, pengalaman, dan kesediaan individu. Penerimaan dan penggunaan teknologi moden di tempat kerja sangat dipengaruhi oleh pemboleh ubah sosial, terutamanya pengaruh dan sokongan daripada rakan sebaya dan atasan (Mediaty et al., 2017; Eckhardt et al., 2009). Justeru, pandangan orang yang dianggap penting dalam persekitaran sosial seseorang memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku mereka terhadap teknologi baharu di tempat kerja. Selain itu, faktor-faktor seperti jantina, umur, pengalaman, dan kesediaan individu juga mempengaruhi kesan pengaruh sosial ini.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan kuantitatif untuk menjawab objektif kajian dan memudahkan pengumpulan data secara cekap dan kos efektif (Navarro-Rivera & Kosmin, 2013; Jones et al., 2013). Soal selidik dalam talian menggunakan *Google Form* dipilih kerana menjimatkan masa dan kos (Chua, 2011). Pendekatan secara rentas silang digunakan untuk mengumpul data dari pelbagai kumpulan responden kajian secara serentak, serta mampu memberikan gambaran menyeluruh tentang ciri-ciri responden pada masa tertentu (Creswell, 2012).

Sample Kajian

Kajian ini melibatkan guru sains dari Sekolah Menengah (SMK) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Hal ini kerana kawasan ini menunjukkan peratusan tertinggi penggunaan media sosial (93%) dan aktiviti melayari internet yang juga agak tinggi (75.6%) berdasarkan laporan SKMM (2020). Seramai 175 responden dipilih berdasarkan Jadual Pengiraan Saiz Sampel Krejci dan Morgan (1970), daripada jumlah keseluruhan 305 responden daripada 45 Sekolah Menengah (SMK) di Bangsar Pudu, WPKL (Pejabat Pelajaran Daerah Bangsar Pudu, 2021). Strategi pensampelan rawak kluster digunakan. Kaedah ini dipilih kerana bingkai pensampelan individu kurang memberikan maklumat yang mencukupi tentang sampel kajian, seperti nama, jantina, dan umur, seperti disyorkan oleh Nur Izzah (2020).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang direka untuk menunjukkan konsistensi, kebolehpercayaan yang tinggi, dan kemudahan dalam pentadbiran seperti cadangan Creswell (2014). Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian, tidak termasuk soalan

demografi, dan diedarkan secara dalam talian melalui Borang Google serta dikongsi melalui platform media sosial seperti WhatsApp untuk kebolehcapaian yang pantas dan mesra pengguna (Ball, 2019). Pengkaji mengubahsuai dan mengadaptasi instrumen soal selidik Huang (2018) dengan menggunakan skala Likert lima mata untuk mengukur hubungan di antara pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dengan niat tingkah laku terhadap penerimaan media sosial dalam PdP mereka. Skala yang digunakan meliputi julat daripada "*sangat tidak setuju*" kepada "*sangat setuju*," bagi memastikan maklum balas yang diperoleh adalah tepat dan bersesuaian dengan responden (Dawes, 2008). Analisis deskriptif menggunakan skor min, dan sisihan piawai untuk menganalisis data kajian. Interpretasi skor min merujuk kepada penafsiran skor min daripada kajian Landell (1997) dan Noorazian Mohd Arshad et al., (2021) dalam Jadual 1. Sementara itu, analisis inferensi digunakan untuk melaksanakan analisis korelasi Pearson dengan merujuk kepada Jadual Nilai r, kekuatan pekali Korelasi (Cohen, 1988) pada Jadual 2.

Jadual 1

Interpretasi Skor Min bagi tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh social

Skor Min	Interpretasi Skor
1.00 -2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 2

Nilai r, Kekuatan Pekali Korelasi

Nilai r	Interpretasi hubungan
0.10 -0.29	Lemah
0.30 -0.49	Sederhana
0.50 -1.00	Kuat

Kajian Rintis

Seramai 30 responden secara sukarela mengambil bahagian dalam kajian rintis ini dan didapati responden tidak menghadapi kesukaran untuk memahami dan menjawab setiap item soal selidik. Keputusan menunjukkan nilai alpha Cronbach kajian ini berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi jika dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Nazaruddin Abdul Hadi et al., 2020; Creswell, 2012) pada Jadual 3.

Jadual 3

Nilai Cronbach Alpha bagi Setiap Konstruk

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Cronbach Alpha
Pengaruh Sosial (PS)	5	0.921
Tabiat (T)	4	0.917
Motivasi Hedonis (MH)	4	0.930
Niat Tingkah laku (NT)	5	0.973

DAPATAN KAJIAN

Jadual 4 menunjukkan analisis demografi responden kajian, merangkumi jantina, taburan umur, mata pelajaran yang diajar, penggunaan media sosial, bilangan jam harian dihabiskan di media sosial, dan tujuan penggunaan media sosial. Majoriti responden adalah terdiri daripada guru wanita (58.3%), dengan kumpulan umur tertinggi ialah 35-39 tahun (28.6%). Jumlah yang besar responden yang terlibat adalah merupakan guru yang mengajar Sains Tingkatan 3 (53.1%). Selain itu, YouTube merupakan platform media sosial yang paling menjadi pilihan (80.6%), dan responden kajian biasanya menghabiskan sekitar 5-6 jam setiap hari dalam melayari platform media sosial (42.7%). Tujuan utama menggunakan media sosial adalah untuk berkongsi kandungan pembelajaran (100.0%) dan berkomunikasi mengenai pengajaran dan pembelajaran dengan murid/guru (89.7%).

Jadual 4

Analisis Demografi Responden

No.	Item	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)	
1	Jantina	Lelaki	73	41.70	
		Perempuan	102	58.30	
2	Umur	25-29 Tahun	13	7.40	
		30-34 Tahun	24	13.70	
		35-39 Tahun	50	28.60	
		40-44 Tahun	32	18.30	
		45-49 Tahun	26	14.90	
		50-54 Tahun	24	13.70	
		55-59 Tahun	6	3.40	
3	Subjek yang diajar: Sains Tingkatan 1	Ya	87	49.70	
		Tidak	88	50.30	
	Sains Tingkatan 2	Ya	82	46.90	
		Tidak	93	53.10	
	Sains Tingkatan 3	Ya	88	50.30	
		Tidak	87	49.70	
	Sains Tingkatan 4	Ya	69	39.40	
		Tidak	106	60.60	
	Sains Tingkatan 5	Ya	35	20.00	
		Tidak	140	80.00	
4	Media sosial yang kerap digunakan	Facebook	Ya	70	40.00
			Tidak	105	60.00
		WhatsApp	Ya	106	60.60
			Tidak	69	39.40
		Instagram	Ya	24	13.70
			Tidak	151	86.30
		Messenger	Ya	11	6.30
			Tidak	164	93.70
		Youtube	Ya	141	80.60
			Tidak	34	19.40

	Telegram	Ya	121	69.10
		Tidak	54	30.90
	Twitter	Ya	10	5.70
		Tidak	165	94.30
	WeChat	Ya	3	1.70
		Tidak	172	98.30
	TikTok	Ya	34	19.40
		Tidak	141	80.60
8	Kekerapan menggunakan media sosial dalam tempoh sehari.	1-2 jam	21	12.00
		3-4 jam	61	34.90
		5-6 jam	73	42.70
		7-8 jam	19	10.90
		Lebih 8 jam	1	0.60
9	Tujuan penggunaan media sosial:			
	Berkongsi kandungan pembelajaran	Ya	175	100.0
		Tidak	0	0.00
	Berkomunikasi tentang pengajaran dan pembelajaran dengan murid/guru	Ya	157	89.70
		Tidak	18	10.30
	Berkolaborasi tentang pengajaran dan pembelajaran dengan murid/guru	Ya	60	34.30
		Tidak	115	65.70

Tahap Tabiat, Motivasi Hedonis Dan Pengaruh Sosial Guru Sains Sekolah Menengah Ke Atas Penerimaan Media Sosial Dalam PdP

Jadual 5 menunjukkan skor min untuk tahap tabiat guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP. Kesemua item yang berada pada tahap tinggi, dengan skor min keseluruhan tahap tabiat ke atas penerimaan media sosial dalam PdP ialah 3.93. Item 1 yang menunjukkan skor min tertinggi (4.19), manakala item 2 menunjukkan skor min terendah (3.69). Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa tahap tabiat guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP adalah tinggi.

Jadual 5

Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Tabiat

No.	Item	Skor Min	Frekuensi dan Peratus (%)				
			Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Penggunaan media sosial dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains sudah menjadi kebiasaan kepada saya.	4.19	0 (0.0%)	7 (4.0%)	22 (12.6%)	76 (43.4%)	70 (40.0%)
2	Penggunaan media sosial menjadi satu kemestian kepada saya dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains.	3.69	5 (2.9%)	11 (6.3%)	47 (26.9%)	82 (46.9%)	30 (17.1%)

3	Penggunaan media sosial dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains adalah sesuatu yang saya akan lakukan tanpa teragak-agak.	4.14	0 (0.0%)	3 (1.7%)	30 (17.1%)	82 (46.9%)	60 (34.3%)
4	Penggunaan media sosial dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains adalah sesuatu yang saya lakukan secara spontan.	3.71	6 (3.4%)	18 (10.3%)	45 (25.7%)	58 (33.1%)	48 (27.4%)
Semua item		3.93					

Jadual 6 menunjukkan skor min untuk tahap motivasi hedonis guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP. Kesemua item yang berada pada tahap tinggi, dengan skor min keseluruhan tahap motivasi hedonis ke atas penerimaan media sosial dalam PdP ialah 4.20. Item 1 yang menunjukkan skor min tertinggi (4.26), manakala item 2 menunjukkan skor min terendah (4.08). Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa tahap motivasi hedonis guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP adalah tinggi

Jadual 6

Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Motivasi Hedonis

No.	Item	Skor Min	Frekuensi dan Peratus (%)				
			Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Penggunaan media sosial untuk tujuan PdP mata pelajaran Sains adalah sesuatu yang menarik.	4.26	0 (0.0%)	5 (2.9%)	21 (12.0%)	72 (41.1%)	77 (44.0%)
2	Penggunaan media sosial untuk tujuan PdP mata pelajaran Sains adalah sesuatu yang mengembirakan.	4.08	0 (0.0%)	1 (0.6%)	32 (18.3%)	94 (53.7%)	48 (27.4%)
3	Penggunaan media sosial untuk tujuan PdP mata pelajaran Sains memberikan keseronokan kepada saya.	4.23	0 (0.0%)	3 (1.7%)	26 (14.9%)	74 (42.3%)	72 (41.1%)
4	Penggunaan media sosial untuk tujuan PdP mata pelajaran Sains memberikan inspirasi kepada saya.	4.21	0 (0.0%)	3 (1.7%)	26 (14.9%)	77 (44.0%)	69 (39.4%)
Semua item		4.20					

Jadual 7 menunjukkan skor min untuk tahap pengaruh sosial guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP. Terdapat empat item yang berada pada tahap tinggi,

dan satu item berada pada tahap sederhana, dengan skor min keseluruhan tahap pengaruh sosial ke atas penerimaan media sosial dalam PdP ialah 3.69. Item 4 yang menunjukkan skor min tertinggi (3.78), manakala item 5 menunjukkan skor min terendah (3.62).

Jadual 7

Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Pengaruh Sosial

No.	Item	Skor Min	Frekuensi dan Peratus (%)				
			Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Komuniti sekeliling mempengaruhi cara pemikiran saya agar menggunakan media sosial dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains.	3.69	0 (0.0%)	10 (5.7%)	55 (31.4%)	90 (51.4%)	20 (11.4%)
2	Individu yang penting bagi saya percaya bahawa saya mesti menggunakan media sosial dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains.	3.67	1 (0.6%)	12 (6.9%)	61 (34.9%)	88 (50.3%)	13 (7.4%)
3	Individu yang pendapatnya saya hargai lebih menyukai jika saya menggunakan media sosial dalam melaksanakan PdP mata pelajaran Sains.	3.67	1 (0.6%)	7 (4.0%)	67 (38.3%)	74 (42.3%)	26 (14.9%)
4	Kebanyakan individu di sekeliling saya menggunakan media sosial semasa melaksanakan PdP.	3.78	2 (1.1%)	11 (6.3%)	39 (22.3%)	94 (53.7%)	29 (16.6%)
5	Secara keseluruhannya, guru-guru turut menyokong penggunaan media sosial dalam proses PdP mata pelajaran Sains.	3.62	0 (0.0%)	10 (5.7%)	81 (46.3%)	50 (28.6%)	34 (19.4%)
Semua item		3.69					

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa tahap pengaruh sosial guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP adalah tinggi. Sehubungan dengan itu, keputusan ini seterusnya membuktikan bahawa objektif pertama kajian tercapai. Hasil kajian ini secara tidak langsung menjawab persoalan kajian pertama " *Apakah tahap tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial guru sains sekolah menengah ke atas penerimaan media sosial dalam PdP?*"

Hubungan Antara Tabiat Dengan Niat Tingkah Laku Guru Sains Sekolah Menengah Ke Atas Penerimaan Media Sosial Dalam PdP

Jadual 8 menunjukkan hasil analisis korelasi antara tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku. Hasil menunjukkan hubungan positif, kuat, dan signifikan antara tabiat dengan niat tingkah laku, dengan nilai korelasi $r = 0.614$, $n = 175$, dan $p < 0.05$. Selain itu, analisis korelasi antara motivasi hedonis dengan niat tingkah laku juga menunjukkan hubungan positif, sederhana, dan signifikan, dengan nilai korelasi $r = 0.320$, $n = 175$, dan $p < 0.05$. Seterusnya, analisis korelasi antara pengaruh sosial dengan niat tingkah laku juga menunjukkan hubungan positif, sederhana, dan signifikan dengan nilai korelasi $r = 0.380$, $n = 175$, dan $p < 0.05$. Arah hubungan yang positif dalam semua pemboleh ubah menunjukkan bahawa peningkatan skor pada pemboleh ubah ini akan meningkatkan skor niat tingkah laku. Oleh yang demikian, berdasarkan hasil analisis ini dapat disimpulkan bahawa objektif kedua kajian telah tercapai. Hasil kajian ini secara tidak langsung menjawab persoalan kajian kedua "Adakah terdapat hubungan antara tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?" Oleh itu, Ho1, Ho2 dan Ho3 tidak diterima kerana terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial dengan niat tingkah laku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.

Jadual 8

Analisis Korelasi Pearson Tabiat, Motivasi Hedonis dan Pengaruh Sosial dengan Niat Tingkah laku


		Pengaruh sosial	Tabiat	Motivasi hedonis
Niat Tingkah laku	Korelasi Pearson	.380**	.614**	.320**
	Sig. (2-hujung)	<.001	<.001	<.001
	N	175	175	175

** korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif kajian, didapati tahap tabiat, motivasi hedonis dan pengaruh sosial adalah tinggi. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian oleh Nor Shahzanani et al., (2022), Ahmad Zubir et al., (2021), Halizah et al., (2019) dan Yussof et al., (2021). Media sosial diterima baik dalam proses PdP guru sains di sekolah menengah dipengaruhi oleh masyarakat, masyarakat setempat, dan individu di sekeliling mereka. Media sosial dalam PdP telah menjadi kebiasaan serta rutin dan diterima baik oleh guru. Selain itu, pengintegrasian media sosial dalam PdP memberikan keseronokan dan memberi impak positif kepada guru sains. Media sosial membolehkan interaksi aktif antara murid dan guru, dan meningkatkan penglibatan dan keberkesanan pembelajaran.

Kesan positif media sosial dalam PdP mendorong guru sains untuk terus meningkatkan kualiti PdP mereka. Guru mengiktiraf potensi media sosial sebagai alat yang berkuasa untuk meningkatkan pembelajaran dan mencapai keputusan yang lebih baik. PdP berbantuan media sosial dalam kalangan guru sains bukan sekadar trend, tetapi telah menjadi sebahagian daripada pendekatan pembelajaran moden dan inovatif. Oleh itu, adalah penting untuk menggunakan media sosial dengan bijak dan kreatif dalam proses pembelajaran untuk mencipta pengalaman



